



# **MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

## **KENYATAAN SEBUT HARGA KHAS UNTUK BUMIPUTERA**

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan ( SPKK )** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ( CIDB )** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta bertaraf **Bumiputra** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor ( PKK )** yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai sebut harga berikut :-

<b>No. Sebut harga</b>	<b>Perihal Kerja</b>	<b>Harga Dokumen/ Tarikh Mula Dijual</b>	<b>Syarat Pendaftaran</b>
MBJB/SH/ 23/2021	Membina perangkap sampah jenis CDS-GPT (Parit Utama Abd Samad), MB Johor Bahru (Peruntukan Persekutuan)  Tarikh Iklan : 8.4.2021 Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak : 12.4.2021 ( Isnin ) Tempat : <b>TAKLIMAT SECARA DALAM TALIAN ( RUJUK PERENGGAN 3 )</b> Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang Tarikh Tutup : 20.4.2021 ( Selasa ) S/harga : ( Tepat 12.00 tengahari ) No.Fail : MBJB/U/2021/09/PRO/D/19  <b>*PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*</b>	RM 50.00  14.4.2021 hingga 18.4.2021	CIDB Gred : G2 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 dan CE34  <b>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat</b>

<p>MBJB/SH/ 24/2021</p>	<p>Menaik taraf sistem perparitan di Jalan Kurniawan, Kg Kurnia, MB Johor Bahru (Peruntukan Persekutuan)</p> <p>Tarikh Iklan : 8.4.2021                  Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak : 12.4.2021 ( Isnin )                  Tempat : <b>TAKLIMAT SECARA DALAM TALIAN ( RUJUK PERENGGAN 3 )</b>                  Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang                  Tarikh Tutup : 20.4.2021 ( Selasa )                  S/harga ( Tepat 12.00 tengahari )                  No.Fail : MBJB/U/2019/31/PRL/SH/11</p> <p><b>*PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*</b></p>	<p>RM 50.00</p> <p>14.4.2021 hingga 18.4.2021</p>	<p>CIDB Gred : G2 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 dan CE34</p> <p><b>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat</b></p>
-----------------------------	--	---	--

2. Penyebut harga diwajibkan untuk mendaftar syarikat secara dalam talian menggunakan sistem iPerolehan MBBJ **sebelum** pendaftaran kehadiran taklimat dilakukan melalui laman sesawang <https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan>. Segala maklumat yang didaftarkan di dalam sistem iPerolehan hendaklah sama dan tepat sebagaimana lesen asal yang terkini dan bagi syarikat yang telah berdaftar, hendaklah memastikan maklumat sediaada sentiasa dikemaskini sekiranya terdapat perubahan.
3. Sebagaimana saranan Perdana Menteri Malaysia, bagi amalan penjarakan sosial dalam situasi wabak Covid-19 yang melanda Malaysia, pendaftaran taklimat pejabat akan dilakukan secara dalam talian melalui Iperolehan MBBJ pada tarikh dan masa seperti jadual tertera di atas. Hanya syarikat yang **berdaftar** dan **disahkan** untuk perolehan tersebut sahaja yang layak membeli dokumen. Syarikat yang berdaftar perlu menyemak kehadiran sebelum meneruskan pembelian.
4. Dokumen Sebut harga boleh didapati pada **tarikh pembelian seperti tertera di atas mengikut waktu pejabat (Ahad hingga Rabu, 8.00 pagi – 4.30 ptg, Khamis, 8.00 pagi – 3.00 ptg, Rehat 1.00 - 2.00 Ptg)** di **kaunter jualan Aras Bawah, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru, 80400 Johor Bahru, Johor**. Bayaran dokumen boleh dibuat dalam bentuk **DRAF BANK/ KIRIMAN WANG/ WANG POS** di atas nama **DATUK BANDAR, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU** atau bayaran di kaunter secara atas talian (online banking) melalui laman sesawang eKhidmat ( <http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/> ). Sila bawa bersama **Sijil - Sijil ASAL** semasa membeli dokumen sebut harga sebagaimana berikut :-
  - 4.1 : Perakuan Pendaftaran Kontraktor ( PPK ) oleh CIDB
  - 4.2 : Sijil Perolehan Kerja Kerajaan ( SPKK ) oleh CIDB & Taraf Bumiputera ( STB ) oleh PKK
  - 4.3 : No. Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat MALAYSIA ( SSM )
5. Pendaftaran Sijil Kontraktor Johor ( SKJ ) oleh Johor Centre for Construction Development ( JCCD ) akan menjadi satu keutamaan dan syarat kepada para kontraktor untuk memasuki tender.
6. Dokumen Sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta bertulis No. Sebut harga dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Aras Bawah, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru, sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup seperti yang tertera pada jadual di atas.

7. Dokumen sebut harga yang dihantar melalui pos biasa/pos laju hendaklah dialamatkan ke **Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru, 80300 Johor Bahru, Johor** untuk dimasukkan ke dalam Peti sebut harga **sebelum pukul 12.00 tengahari** pada tarikh tutup yang ditetapkan di atas. Pihak majlis tidak bertanggungjawab di atas kelewatan penghantaran oleh pihak pengeposan.
8. Penyebut harga yang tidak berjaya boleh mengambil semula dokumen sebut harga mereka di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru, Bukit Senyum, Johor Bahru dalam tempoh **sembilan puluh hari ( 90 hari ) selepas tarikh tutup sebut harga**. Selepas tempoh tersebut, semua dokumen sebut harga yang tidak berjaya akan **DILUPUSKAN**.
9. Majlis tidak terikat samada menerima Sebut harga yang terendah harganya atau sebarang tawaran lain

Sekian, dimaklumkan.

**Ir. HAJAH NAZATUL SHIMA BINTI MOHAMAD**

Timbalan Setiausaha,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

*Tawaran dipamerkan juga di papan kenyataan sebagaimana berikut :*

- i. Pejabat Majlis Bandaraya Iskandar Puteri*
- ii. Pejabat Daerah Johor Bahru*
- iii. Pejabat Jurutera Daerah JKR ( D ) Johor Bahru*
- iv. Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran Johor Bahru*
- v. Pejabat Majlis Bandaraya Pasir Gudang*